

# **TEKS UCAPAN**

---

**DATO' ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM KERJASAMA DI  
ANTARA**

**MANGKASA SERVICES SDN BHD  
DENGAN  
MALINDO AIRWAYS DAN  
KAYWORLD TRAVEL SDN BHD  
KHAMIS 19 JAN 2017, 2:30  
PETANG  
AUDITORIUM ANGKASA**

---

TERIMA KASIH PENGERUSI MAJLIS,  
YANG BERBAHAGIA , DATO HJ  
KAMARUDDIN ISMAIL, NAIB  
PRESIDEN ANGKASA  
MERANGKAP PENERUSI  
MYANGKASA SERVICES SDN BHD

YANG BERUASAHA, EN  
SHAHARUDDIN MOHAMED  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
KUMPULAN MYANGKASA  
HOLDINGS SDN BHD

YANG BERUSAHA, EN RAJA  
SA'ADI RAJA AMRIN  
DIRECTOR, PUBLIC RELATIONS &  
COMMUNICATION  
MALINDO AIRWAYS SDN BHD

YANG BERUSAHA EN MOHD  
FADHIL ABDUL LATIF  
ASST GENERAL MANAGER,  
GOVERNMENT RELATIONS  
MALINDO AIRWAYS SDN BHD

PENGURUSAN DAN KAKITANGAN  
MALINDO AIRWAYS SDN BHD

YANG BERUSAHA PUAN  
KAMARIAH AHMAD  
MANAGING DIRECTOR,  
KAYWORLD TRAVEL & TOURS SDN  
BHD

YANG BERUSAHA EN  
MUHAMMAD FADHIL PUTEH  
DIRECTOR  
KAYWORLD TRAVEL & TOURS SDN  
BHD

DATUK-DATUK, DATIN-DATIN,  
TUAN-TUAN, PUAN-PUAN,



WAKIL-WAKIL MEDIA YANG  
DISAYANGI,

TIDAK DILUPAKAN 15 WAKIL  
KOPERASI AGEN MALINDO  
MYANGKASA YANG KITA RAIKAN  
SEKALIAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

SALAM SEJAHTERA, SELAMAT  
PETANG DAN SELAMAT DATANG  
KE ANGKASA

Alhamdulillah, syukur kita ke  
hadrat ALLAH SWT diatas limpah,  
rahmat serta kurnianya dapat

kita berkumpul disini bagi  
menyaksikan satu lagi catatan  
sejarah didalam majlis  
MENANDATANGANI  
MEMORANDUM KERJASAMA  
diantara MyAngkasa Services  
Sdn Bhd dengan Malindo

Airways Sdn Bhd dan juga Kayworld Travel & Tours Sdn Bhd.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada MyAngkasa Services Sdn Bhd diatas inisiatif untuk menggabungkan kesemua

koperasi yang berdaftar dengan  
ANGKASA untuk melibatkan diri  
dalam perniagaan  
pelancongan menerusi  
kolaborasi eksklusif dengan  
Malindo Airways Sdn Bhd dan  
Kayworld Travel & Tours Sdn Bhd.

Sukacita saya ingin  
memaklumkan bahawa  
ANGKASA melalui anak  
syarikatnya MyAngkasa Services  
Sdn Bhd telah memeterai satu  
Memorandum Kerjasama  
dengan syarikat penerbangan  
Malindo Airways Sdn. Bhd.

Menerusi kolaborasi tersebut, anggota Koperasi kini berpeluang untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan Malindo melalui tawaran harga istimewa yang ditawarkan menerusi laman web **[www.malindoair.com](http://www.malindoair.com)**. Ia adalah

eksklusif dan hanya terbuka kepada anggota koperasi di bawah naungan ANGKASA. Koperasi juga turut diberi peluang menjana pendapatan tambahan menerusi jualan tiket Malindo MyAngkasa dengan mendaftar sebagai agen jualan



menerusi MyAngkasa Services Sdn Bhd. Mereka akan diberikan kod dan kata laluan untuk memudahkan penempahan tiket secara dalam talian dan mendapat keistimewaan potongan harga

sama seperti agensi tiket yang lain.

Kerjasama korporat MALINDO MYANGKASA dijangka memberi satu lagi nilai tambah kepada perniagaan koperasi khususnya penglibatan secara tidak

langsung dalam aktivitas  
pelancongan di dalam dan di  
luar Negara yang dilihat  
semakin berpotensi dan  
berdaya maju.

Anggota koperasi yang ingin  
membuat tempahan tiket

penerbangan hanya perlu mendaftarkan nama Koperasi masing-masing di portal rasmi Malindo MyAngkasa dan membuat tempahan secara langsung. Koperasi juga boleh membuat penempahan berkelompok dengan hanya menghubungi

MyAngkasa Services Sdn Bhd  
untuk mendapatkan kadar  
harga purata yang lebih  
menarik. Pelbagai ganjaran  
tambahan juga akan  
dimaklumkan dari semasa ke  
semasa seperti Jualan Mega  
sempena menyambut Hari

Koperasi Negara, cuti sekolah dan lain-lain perayaan yang diiktiraf.

Sokongan dan keprihatinan anda semua terhadap usaha membina kelestarian koperasi menerusi usaha-usaha murni

seperti ini sangat dihargai, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala usaha yang dijalankan oleh kedua belah pihak demi memartabatkan gerakan koperasi di Malaysia

Dengan lafaz  
Bismilaahirahmannirahhim saya  
dengan ini MELANCARKAN  
PROGRAM MALINDO  
MYANGKASA.

<Gimmick pelancaran>